

UMS Muncul Pemenang Tempat Kedua Pertandingan Huawei ICT Malaysia 2018-2019

Terakhir dikemaskini: Selasa, 29 Januari 2019 16:04 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 279

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 29 JANUARI - Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih tempat kedua pada Pertandingan Akhir Huawei ICT Malaysia 2018-2019 yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut kenyataan UMS, kejayaan itu diperoleh melalui tiga pelajar dari Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) iaitu Liew Chun Khai, Lynnett Lim Weng Khey dan Tan Yee Leng serta seorang pensyarah FKI yang juga tutor pasukan, Dr. Tan Soo Fun.

“Melalui kemenangan ini membolehkan pasukan UMS

meraih hadiah empat buah telefon Huawei Nova 3 berserta wang RM2,000.

“Kesemua mereka terlebih dahulu berjaya melepasi peringkat awal pertandingan yang berlangsung pada 13 -14 Disember 2018 dan turut dipilih mengikuti Program Pentauliahan Profesional Huawei ICT Associate (HCIA) serta latihan persiapan peringkat akhir,” demikian menurut kenyataan itu yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Teoh Nie Ching.

Beliau turut menyampaikan Anugerah Pencapaian Cemerlang Huawei ICT Academy Malaysia kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamarudin D Mudin sebagai pengiktirafan prestasi cemerlang UMS dalam pembangunan bakat ICT.

Pertandingan tersebut antara lain bertujuan memupuk bakat ICT tempatan dan membangunkan pemimpin ICT generasi yang akan datang di Malaysia selain mempromosikan daya saing ICT negara, inovasi dan kreativiti, yang menjadi asas untuk membina ekonomi berasaskan pengetahuan.

Pertandingan akhir menyaksikan tujuh pasukan dari tujuh universiti bersaing iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UNITEM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Taylor dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR).

Hadir sama Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Ag Asri Ag Ibrahim dan Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Noor Hapipah Samat.